



UM.TNC4/JHB/BA/757/SP/2025
25 Februari 2025

☎ : (+6) (03) 7967 7730
☎ : (+6) 012-244-7006

SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN FASA KEDUA MEKANISME PELAKSANAAN SIFAR PLASTIK SEKALI GUNA (ZERO SINGLE-USE PLASTICS) DI SEMUA PREMIS MAKANAN, UNIVERSITI MALAYA


Dengan segala hormatnya surat edaran (no. rujukan: UM.TNC4/JHB/BA/757/SP/2024) bertarikh 21 November 2024 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada notis terdahulu, projek ini akan dilakukan secara berperingkat.
3. Sehubungan dengan itu, berkuatkuasa **01 April 2025**, semua Penyewa **tidak dibenarkan** untuk menggunakan atau menyediakan barangan seperti berikut,
 - a) Beg plastik bertangkai konvensional mahupun jenis biodegradasi; dan
 - b) Bekas makanan plastik kecuali plastik bagi makanan berkuah.
4. Penyewa **diberi pilihan** untuk menyediakan alternatif seperti bekas kotak makanan kertas dan caj maksima dibenarkan ialah RM0.50/bekas. Walau bagaimanapun, pelanggan digalakkan untuk membawa bekas sendiri bagi pesanan bawa pulang (*take-away*).
5. Pihak UM akan menjalankan pemeriksaan secara berkala pada bila-bila masa bagi memastikan tuan/puan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas. Tindakan **penamatan sewaan** boleh diambil sekiranya tuan/puan didapati **gagal** mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
6. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi Sr Muhammad Hariz Jamaludin, Bahagian Aset, Jabatan Harta Benda, UM di talian 03-7967 6830 atau En. Affan Nasaruddin dari Pusat Pembangunan Lestari di talian 03-7967 4635. Kerjasama dan keprihatinan daripada tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Rintar, Tanah Tumpahnya Berani

Yang menjalankan amanah,




PROFESOR IR DR RAMESH SINGH
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

s.k. Penolong Naib Canselor, Strategi Korporat
Pengarah, UMSDC
Pengarah Eksekutif, JHB

JHB/BA/MHJ

SENARAI EDARAN

Naib Canselor

Timbalan Dekan (Pembangunan)

- Akademi Pengajian Islam
- Akademi Pengajian Melayu
- Fakulti Alam Bina
- Fakulti Bahasa dan Linguistik
- Fakulti Farmasi
- Fakulti Kejuruteraan
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Sains
- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Fakulti Seni Kreatif
- Fakulti Sukan dan Sains Eksesais
- Fakulti Undang- Undang
- Institut Asia Eropah (AEI)
- Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya
- Pusat Asasi Sains (PASUM)
- Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA)

Pengetua Kolej- kolej Kediaman

Semua premis makanan, kedai runcit dan vendor berkaitan yang beroperasi dalam kawasan Universiti Malaya